

Esha buka dua lagi gelanggang silat utk perluas kegiatan

rencane silat
PERKUMPULAN Seni Silat Setia Hati (Esha), akan membuka dua buah lagi gelanggangnya tidak lama lagi untuk menjadikan jumlahnya kepada empat buah di merata Singapura dalam usaha memperluas lagi kegiatannya.

Gelanggang yang akan dibuka itu ialah di Kampung Amber dan Jalan Penggaga dan dua buah lagi yang telah dibuka bertempat di nombor 42, Jalan Abadi dan 88-L, Zehnder Road, dekat Pasir Panjang Road.

Setiasaha Esha, Encik Ahmad Kaspari, sambil mengharapkan lebih ramai orang menganggotai perkumpulan tersebut dan mempelajari seni silatnya, berkata:

"Guru-guru yang bakal mengajar di gelanggang baru itu pun sudahpun dipilih dan kini masih menunggu untuk mendapat kelulusan dari Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri (Macu).

Dua jenis

Mereka yang ingin menjadi ahli akan terbahagi kepada dua jenis. Pertama, sebagai ahli biasa, dan kedua, sebagai ahli yang menuntut Silat Esha.

Sebagai ahli biasa, mereka akan dibahagikan kepada dua kategori — mereka yang ingin menjadi ahli perkumpulan saja kerana berminat dalam silat, tetapi, tidak bergiat di dalamnya, dan mereka yang pernah belajar Silat

22 FEB 1979
Esha sebelum menjadi anggota.

Semua orang yang ingin mempelajari silat ini mesti menjadi anggotanya terlebih dahulu, Encik Ahmad menerangkan.

Yuran bersekutu yang dikenakan bagi menjadi anggota ialah \$2 dan bayaran bulannya ialah \$1.

Borang2

Orang-orang dewasa yang ingin mempelajari silat itu pula, baik lelaki ataupun perempuan, mestilah membayar \$30 bagi mengikuti pelajaran itu selama setahun. Murid-murid sekolah pula dikenakan bayaran \$15.

Tiap-tiap murid sekolah yang ingin mengikuti silat ini mestilah bermohon mendapatkan lesen dari Macu, begitu juga dengan

orang-orang dewasanya, dengan memberi bayaran \$5. Murid-murid sekolah dikecualikan dari bayaran ini, tetapi, mereka mesti mendapatkan kebenaran dari ibubapa atau guruguru mereka terlebih dahulu.

Silat Esha berasal dari Jawa Tengah, menurut Encik Ahmad, dan telah dibawa kemari oleh seorang guru dari sana pada tahun 40an dan mula berkembang di sini pada tahun-tahun berikutnya.

Mereka yang berminat untuk menjadi anggota Esha dan mempelajari silat ini, bolehlah mendapatkan borang-borang permohonan dari Encik Ahmad sendiri di Blok 9, 2709-G, Eunus Crescent, Singapura 14 atau di kedua-dua buah gelanggang di Jalan Abadi dan Zehnder Road.

Tindak disiplin: Pegawai2 HQ beri penjelasan

rencane silat
KAMI suka merujuk berita yang disiarkan dalam Berita Harian 15 Februari 1979 berhubung dengan tindakan disiplin yang dikenakan kepada seorang jurulatih silat.

Berita tersebut memetik butir-butir dari pihak MACU dan Persisi tetapi meninggalkan sumber penting yang seharusnya mengimbangi bacaan rasmi. Kami merasa dukacita kerana ada pihak-pihak tertentu yang kurang mengerti kedudukan perkara yang sebenar begitu galak membuat komen terhadap pentadbiran persatuan kami.

Untuk makluman ramai hingga kini kami belum mahu mendedahkan secara terbuka perkara-perkara serius yang dilakukan oleh ju-

luratih yang berkenaan hingga beliau menerima tindakan disiplin dari kami — mencukupi dengan pemberitahuan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Jurulatih yang berkenaan telahpun diberi peluang oleh kami hampir tiga tahun untuk beliau menghormati perlembagaan persatuan dan etika persilatan yang diajar. Sebelum ini beliau juga telah menimbulkan banyak masalah kepada dua buah kerabat Persisi yang lain dan sebuah balai rakyat di mana beliau pernah menjadi jurulatih silat.

Kami telah mengusahakan jalan damai yang diharapkan boleh menyelesaikan secara bermusyawarah. Beliau telah diundang untuk menghadirkan diri tetapi beliau sendiri telah menolak

tawaran kami dan tidak langsung menghormati Jawatankuasa Pentadbir yang hadir. Kerana peluang-peluang yang kami berikan itu telah dihampakan, JKP telah mengambil jalan tegas dengan bertindak:

5.1 menggugurkan keanggotaannya sebagai ahli persatuan

5.2 menggugurkan jawatannya dalam persatuan.

Tindakan disiplin dari kami adalah urusan kami. Kami bertindak berdasarkan perlembagaan persatuan yang sah dari segi undang-undang. Memang tidak wajar bagi pihak ketiga muncul tanpa usul periksa lantas mencampuri urusan kami dengan membuat komen yang mendadak. Perbuatan membuta tuli seperti ini biasanya diamalkan oleh mereka yang tidak mantap fikiran.

Persatuan kami menjadi Pusat Latihan Senisilat Kuningan di Singapura. Kami berkewajipan memelihara keaslian, peradaban, peradatan, sukatan pelajaran, termasuk etika persilatan

yang diajar oleh jurulatih serta lain-lain fakta yang menyentuh perguruan silat ini. Kerana terbukti ada gejala-gejala yang tidak diinginkan, kami telah menerima mandat dari Gurubesar Kuningan Serantau. Satu keputusan muktamad telah diambil dan jurulatih yang terlibat telah dilarang terus daripada mengajar silat ini di Singapura atau di mana-mana pun.

3 MAR 1979
Berita yang disiarkan pada 15 Februari 1979 mengatakan kami mengambil tindakan 'terburu-buru dan menimbulkan kekecohan' sebenarnya tidak timbul. Siapakah sebenarnya yang terburu-buru dan siapa pula yang membuat kecoh, biarlah masyarakat sahaja yang mengadilinya.

Suka kami tegaskan di sini bahawa kami tidak berminat untuk mengambil tahu jika jurulatih yang telah dikenakan tindakan disiplin oleh kami dibolehkan mengajar silat lain, kerana ini bukanlah urusan kami mencampuri hal rumah-tangga orang.

Isa Kassim,
Naib Yang Dipertua,
Yusope Dawam,
b/p Setiausaha Kehormat,
Himpunan Queenstown
Singapura,
Jalan Hang Jebat,
Singapura 5.